

Dua sungai catat paras bahaya

Shah Alam: Paras air di dua sungai di Selangor mencatatkan paras berbahaya akibat hujan lebat lebih tiga jam, petang semalam.

Berdasarkan maklumat daripada laman web Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, dua sungai terbabit, Sungai Damansara di Batu 3, di sini, yang melepasi tahap bahaya ditetapkan iaitu 6.07 meter berbanding paras normal 2.7 meter.

Satu lagi sungai turut melebihi paras bahaya ialah Sungai Kelang di Kampung Jawa dengan bacaan 4.76 meter, berbanding bacaan waktu normal tiga meter.

Sementara itu, bacaan di Sungai Klang di Tugu Keris, Klang turut membimbangkan apabila mencatat bacaan melepasi tahap amaran dengan bacaan 3.54 meter, kurang 0.36 meter untuk melepasi tahap bahaya ditetapkan iaitu 3.9 meter.